



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI TIBI SEDUNIA PERINGKAT
KEBANGSAAN TAHUN 2022 DAN PELANCARAN JELAJAH
AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS) DI LANGKAWI

Hari Tibi Sedunia disambut di seluruh dunia pada **24 Mac setiap tahun** sempena memperingati tarikh penemuan *Mycobacterium tuberculosis* oleh Dr. Robert Koch pada tahun 1882. Tema '*Invest to End TB. Save Lives*' memberikan mesej mengenai kepentingan meningkatkan usaha dalam menamatkan penyakit Tibi di mana penurunan kadar insiden Tibi sebanyak 90% dan jumlah kematian akibat Tibi juga menurun sebanyak 95% menjelang tahun 2035.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan jumlah kes tibi yang perlu dikesan oleh Malaysia adalah 29,000 hingga 30,000 setahun. Walaubagaimanapun sewaktu pandemik COVID-19 berlaku penurunan kes Tibi sebanyak 10% bagi tahun 2020 dan penurunan 8% bagi tahun 2021. Penurunan kes ini secara tidak langsung adalah kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan sepanjang pandemik COVID-19 dimana jumlah kes dan kontak yang hadir ke fasiliti kesihatan berkurangan.

Bagi tahun 2022, sehingga hari terakhir (4 Jun 2022) minggu epidemiologi (ME 22), jumlah kes Tibi yang dilaporkan adalah 9,474, iaitu peningkatan sebanyak 13% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2021. Manakala, jika dibandingkan dengan tahun 2019 (sebelum pandemik COVID-19) terdapat penurunan sebanyak 11%. Walaubagaimanapun,

jumlah kes Tibi yang dilaporkan masih belum mencapai sasaran seperti yang dianggarkan oleh pihak WHO sebanyak 29,000 hingga 30,000 setahun.

Sehubungan itu, aktiviti pengesanan kes Tibi perlu dipertingkatkan dengan memperkukuhkan saringan golongan berisiko tinggi terutama dikalangan kontak kepada indeks kes Tibi. Di samping itu, saringan Tibi dikalangan kumpulan berisiko tinggi seperti pesakit HIV, Diabetes dan penghuni institusi tahanan perlu dipertingkatkan.

Usaha ini seiring dengan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan sempena dengan Jelajah ANMS ini dengan *tagline* '**Jom Saring!**'. Oleh itu, KKM menyeru orang ramai jika mempunyai tanda-tanda penyakit tibi seperti batuk yang berpanjangan melebihi dua (2) minggu, demam, berpeluh waktu malam, kurang selera makan, susut berat badan dan batuk berdarah, segera menjalani pemeriksaan dan rawatan di klinik-klinik kesihatan dan hospital yang berhampiran.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATO' DR HJ NOOR AZMI BIN GHAZALI
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN 1
11 JUN 2022